

26/07/2000

Polis ada kuasa siasat ajaran sesat: Hamid

KANGAR, Selasa - Kerajaan mahu menggunakan undang-undang Persekutuan, terutama kuasa yang ada pada polis bagi memantau pergerakan kumpulan yang menggunakan ajaran Islam dengan tujuan menimbulkan kekacauan.

Pada masa ini, hal ehwal agama Islam tertakluk kepada undang-undang negeri. Bagaimanapun, keterbatasan kuasanya menyebabkan ia tidak dapat membendung ancaman itu dari peringkat awal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata antara halangan dihadapi pihak berkuasa agama ialah tidak boleh mengambil tindakan terhadap kumpulan agama (tidak menyeleweng) walaupun menyaki ia cuba mengancam keamanan negara.

Justeru, katanya, kuasa yang ada pada polis boleh digunakan untuk memantau dan mengintip pergerakan kumpulan berkenaan bagi memastikan tujuan sebenar penubuhan dan perjalanannya.

"Undang-undang memang sudah ada di setiap negeri bagi membolehkan tindakan diambil terhadap kumpulan yang didapati melakukan kesalahan agama seperti menyelewengkan ajaran Islam.

"Bagaimanapun, apa yang agak sukar dilakukan ialah untuk mengambil tindakan terhadap kumpulan yang mengajar agama serta menjurus kepada gerakan militan.

"Ada di antara kumpulan yang memulakan zikir pada tengah malam dan tidak membenarkan kita (pihak berkuasa agama) turut serta. Dalam hal ini, polis ada kuasa untuk menyiasat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan penyelia serta guru Kafa dari seluruh Perlis di Sekolah Agama Islam Al-Islahiah Behor Mali, dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, Dr Abdul Hamid turut menyampaikan bantuan kemahiran hidup bernilai lebih RM40,000 sumbangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kepada tiga sekolah agama rakyat di Perlis.

Pada 2 Julai lalu, kumpulan persilatan Al-Ma'unah merompak senjata di pos keselamatan dan Kem 304 Askar Wataniah, Grik. Kumpulan terbabit disahkan mahu mengisytiharkan perang syahid terhadap kerajaan.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beberapa anggota kumpulan itu menggunakan pelancar roket menembak kilang arak di Shah Alam dan kuil Hindu tetapi tiada apa-apa berlaku kerana mereka tidak mahir menggunakan senjata itu.

(END)